

UCAPAN DR.M.TEGAS, BERTERUS - TERANG

Semua pemimpin sokong
penuh isu-isu yang
ditimbulkan PM

KUALA LUMPUR 27 Sept. —
Menteri Besar Kelantan, **Datuk Haji
Mohamad Yaakob** hari ini menegaskan
UMNO rela bermati-matian untuk
mempertahankan hak istimewa bangsa
Melayu.
Beliau selaku Pengerusi Perhubungan
UMNO Kelantan berkata tidak sesiapa pun
patut mempersoalkan hak istimewa orang-
orang Melayu yang telah diperjuangkan
oleh UMNO daripada sejak merdeka
sehingga sekarang. **SEP 28 1985**
"Semua mesti tahu bahawa perjuangan
UMNO memberikan hak istimewa orang
Melayu adalah semata-mata untuk
mengimbangkan taraf hidup dan
kedudukan mereka dengan kaum lain,"
tambahnya sebaik sahaja selepas ucapan
dasar Perdana Menteri, Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad di perhimpunan agung

menguatkan pendirian kerajaan bahawa
tindakan secara mogok adalah merugikan
dan tidak harus wujudnya sebarang
ugutan.

Naib Perdana Menteri, **Datuk Sri Amar
Diraja Haji Wan Mokhtar Ahmad**
menyifatkan ucapan Perdana Menteri
sebagai berani serta benar-benar
menunjukkan beliau mahukan
perdamaian.

Mereka yang cintakan keamanan dan
kebenaran harus meneliti ucapan Datuk
Sri Dr. Mahathir itu, ujar beliau.

Menurut Menteri Besar Terengganu itu,
ucapan tersebut akan memberikan
semangat baru kepada ahli-ahli UMNO
dan orang-orang yang cintakan
kebenaran.

Katanya, kandungan ucapan itu
merupakan 'satu suluhan' yang cemerlang

ke-36 di sini.

Datuk Mohamad berkata di Kelantan umpamanya terdapat 100% orang Melayu dan sudah tentu hak istimewa mereka seperti tanah simpanan Melayu perlu dijaga.

Beliau mengucapkan syabas kepada Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang di antara lain menyebut dalam ucapannya tentang adanya pihak yang menggunakan kedudukan raja - raja untuk kepentingan peribadi masing - masing.

Datuk Mohamad menyifatkan ucapan Presiden UMNO itu sebagai "first class" dan menunjukkan kejujuran dan keikhlasan beliau kepada para perwakilan UMNO.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Mohd. Isa Samad** berpendapat bahawa ucapan Presiden UMNO itu akan memberi panduan yang boleh difikirkan sebagai renungan khususnya oleh orang - orang Melayu.

Ini kerana, Menteri Besar Negeri Sembilan itu berkata, isu ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad itu adalah terbaik, berani dan berterus terang dan masyarakat umum Melayu harus mengambilnya menjadi pengajaran.

Mengenai tuntutan pekerja, beliau berpendapat, Perdana Menteri telah

kepada ahli parti yang ada dan pada masa depan kerana ia dibuat secara berterus - terang.

"Berterus - terang tentang apa yang berlaku di dalam parti dan negara merupakan cara yang berani kerana kadang - kadang ucapan secara sindiran tidak mendatangkan kesan.

Datuk Sri Amar Haji Wan Mokhtar juga berkata bahawa ucapan Presiden UMNO itu juga menunjukkan bahawa parti tidak akan tunduk kepada sesuatu pihak hanya kerana untuk mempertahankan undi.

Naib Presiden UMNO, **Datuk Abdullah Ahmad Badawi** berkata, ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang memberi jawapan kepada berbagai isu itu menunjukkan kepimpinan beliau yang tegas dan berani.

Ketegasan itu, jelas beliau, terlihat dari kandungan yang baik dalam ucapan khususnya menyentuh soal - soal agama, kebangsaan dan ekonomi.

"Ucapan itu juga menunjukkan penegasan semula pendirian kerajaan dalam berbagai isu termasuk soal tuntutan pekerja." jelas Menteri Pelajaran itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah memberi jawapan yang bijak terhadap soal tuntutan pekerja dan ini perlu diberi perhatian, kata beliau.